

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (70)  
Tarikh : 1 Oktober 2014

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "APA SEBAB KEENGGANAN MEMBERIKAN TARAF KEWARGANEGARAAN KEPADA SAYA?" BERTARIKH 26 SEPTEMBER 2014, JUMAAT – M.S: 7**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Marippan A/L Narayana Pillai yang masih belum memperolehi kewarganegaraan Malaysia.

3. Hasil semakan mendapati Encik Marippan A/L Narayana Pillai telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2005, 2011 dan 2012. Walau bagaimanapun permohonan beliau tidak berjaya dan telah dimaklumkan melalui surat.

4. Jabatan ini ingin menjelaskan bahawa memenuhi kesemua syarat – syarat tersebut adalah hanya bagi melayakkan permohonan taraf kewarganegaraan dibuat. Ianya bukanlah bermakna permohonan tersebut mesti diluluskan. Penganugerahan status kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan yang hanya diberikan kepada mereka yang benar – benar layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang – undang. Sehubungan dengan itu, keputusan berkaitannya adalah tidak wajar dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)